



Pirelli & C. Società per Azioni PERNYATAAN PELUANG SAKSAMA KUMPULAN PIRELLI

Kumpulan Pirelli sentiasa dan akan terus **komited** kepada pematuhan prinsip Peluang Saksama di tempat kerja, tanpa sebarang bentuk diskriminasi berdasarkan jantina, status perkahwinan, orientasi seksual, kepercayaan agama atau politik, keahlian kesatuan, warna kulit, asal etnik, kerakyatan, umur atau kecacatan.

Pirelli **menentang** sebarang bentuk diskriminasi langsung atau tidak langsung dan/atau gangguan terhadap individu atau kumpulan oleh mana-mana individu atau kumpulan lain, sekali gus komited terhadap pencegahan dan pembasmian tingkah laku sedemikian.

Kumpulan Pirelli **komited terhadap pencegahan** diskriminasi dalam semua bidang kerja termasuk pemilihan dan semua keputusan yang berhubung dengan ganjaran, status profesional, pembahagian tugas, latihan dan pembangunan kerjaya. Kesemua keputusan tersebut dibuat semata-mata dan secara eksklusif berdasarkan kecekapan, pengalaman dan potensi profesional yang dimiliki oleh individu tersebut dan hasil pencapaian mereka.

Lebih tepat lagi, Pirelli **berusaha untuk**:

- mengiktiraf dan menggalakkan kepentingan perbezaan individu dalam semua proses syarikat
- mengenal pasti dan menghapuskan semua bentuk diskriminasi yang mungkin menghalang akses saksama kepada peluang pekerjaan
- menjamin layanan sama rata yang betul bagi semua kakitangan syarikat dalam semua sektor, peranan serta pangkat dan dalam semua jawatan tugas, sekali gus mengiktiraf hasil dan potensi semua individu
- memupuk kepelbagaiannya dalam pilihan profesional individu.

Pirelli **berusaha mendapatkan sokongan aktif** daripada semua kakitangan Kumpulan untuk melaksanakan prinsip dan matlamat yang terkandung dalam Pernyataan ini.

Tatacara Aduan bagi Perlindungan Peluang Saksama hendaklah dibentuk demi memastikan pelaksanaan matlamat yang dicadangkan di atas.

Marco Tronchetti Provera